

## **KEPUTUSAN STAM PAHANG MENINGKAT, DUA CALON PEROLEH MUMTAZ SAFI**

**KUANTAN, 17 JUN 2021:** Dua calon peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) 2020 di negeri ini memperoleh keputusan Mumtaz Safi (10A+) iaitu pangkat Mumtaz bagi semua 10 kertas yang diambil.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Syed Ibrahim Syed Ahmad berkata, dua calon berkenaan adalah adik Hasyiem Yusof dari Kuliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar Pekan dan Adik Aisyah Abdul Wahab dari Sekolah Menengah Agama (SMA) Al-Maarif .

"Keputusan STAM enam buah sekolah yang menjadi pusat peperiksaan juga meningkat jika dibandingkan dengan tahun lalu. Seramai 665 orang calon yang telah didaftar untuk tahun 2020.

"Seramai 36 orang memperolehi mumtaz iaitu 9A seramai tujuh orang; 8A seramai 14 orang; 7A seramai empat orang; 6A seramai lapan orang dan 5A seramai tiga orang," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebooknya hari ini.

Beliau berkata, daripada sudut GPS pula, sebanyak enam sekolah telah mencatat peningkatan SMA Al-Maarif di sini, SMA Al- Khairiah, Temerloh; Kuliah Al-Lughah Waddin As-Sultan Abu Bakar Pekan; Maahad Jengka; SMA Al Wosto, Temerloh dan SMA Padang Tengku.

"Calon persendirian pula seramai 28 orang dan daripada jumlah itu, seramai tujuh orang dari mereka berjaya cemerlang serta mendapat sijil dengan keputusan yang berbeza.

"YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Wan Ismail juga meluahkan rasa gembira dan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada anak-anak yang berjaya dan mengharapkan pencapaian seumpama ini terus dipertingkatkan.

"Beliau juga yakin ini adalah usaha gigih pelajar bersama ibu-bapa dalam memastikan kejayaan anak masing-masing dhan sudah tentu juga usaha gigih guru-guru beserta bahagian pendidikan Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP)," katanya.

Jelas beliau lagi, YAB Menteri Besar juga berasa lega kerana sedikit sebanyak usaha Kerajaan Pahang dalam memartabatkan pendidikan di Pahang termasuk Sekolah Agama melalui pelbagai pendekatan telah mencapai objektifnya. – **PAHANGMEDIA**

**Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)**

**#MajuTerusPahang  
#Pahang1st  
#KerajaanNegeriPahang  
#UKOMP**



*Sijil Tinggi Agama Malaysia*